

FPP BizNewz

December 2020 – May 2021

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**TRIBUNAL TUNTUTAN
PEMBELI RUMAH:**
Pembeli vs Pemaju
Perumahan

Is Working from Home
a Dream-Come-True
for Introverts or
Vice Versa?

Market Reaction to
PRIVATE PLACEMENT

BELAJAR DENGAN
TikTok

HIBAH:
Alternatif kepada
Pengurusan Aset
Islam di Malaysia

BENGKEL PEMANTAPAN
**PENULISAN ARTIKEL
UNTUK PENERBITAN**

**BERSELAWATLAH,
TANDA KASIH KEPADA
RASULULLAH S.A.W.**

E-DOMPET
DI MALAYSIA:
SATU TINJAUAN

ONE JOURNEY
COMES TO AN END
AND ANOTHER **BEGINS**



Photo by:
M Rishal
on Unsplash

WEBINAR FPP

PERSEDIAAN MENJELANG RAMADAN: BERSEDIakah ANDA?

Nur Shafini Mohd Said
Ruzaidah Sulong @ A. Rashid

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

Bersempena dengan kedatangan bulan Ramadan yang merupakan bulan yang penuh keberkatan, FPP melalui *BizClub* telah menjalankan program yang bersesuaian dalam suasana norma baharu dan salah satunya adalah program webinar ceramah agama atau majlis ilmu.

Program Webinar yang berbentuk ceramah agama ini diberi tajuk *Webinar Persediaan Menjelang Ramadan: Bersediakah Anda?* Penceramah jemputan ialah Ustaz Wahairi Mahmud, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) manakala moderator program tersebut ialah Encik Khalid Amin Mat, iaitu Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP). Program ini telah dianjurkan oleh *BizClub*, FPP dengan kerjasama

Jawatankuasa Webinar FPP UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun. Program ini bersiaran secara langsung melalui saluran *YouTube*, UiTM Cawangan Terengganu pada 8 April 2021 (Khamis) bermula jam 2:00 petang sehingga 4:00 petang.

Seramai 1,347 orang peserta dari seluruh sistem UiTM dan orang awam telah menyertai program ini. Program ini telah mendapat tontonan seramai 1,900 orang penonton di Saluran *Youtube*.

Program ini mengajak para penonton agar mempersiapkan diri dengan amalan-amalan yang boleh dilakukan sebagai persediaan menyambut Ramadhan dan juga sepanjang bulan Ramadhan. Di samping itu, jam latihan juga disediakan untuk para peserta, khususnya warga UiTM, yang telah mengikuti program ini.

...





FPP BizNewz

December 2020-May 2021
Faculty of Business and Management
UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811